

Adaptasi Budaya Pelajar Malaysia yang Mengikuti Program Pertukaran Pelajar AIMS di Negara Jepun

Cultural Adaptation of Malaysian Students Who Participated in AIMS Student Exchange Program in Japan

Ahmad Afiq Md Hashim

¹Abdul Latiff Bin Ahmad

Media dan Komunikasi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

¹Correspondence: alba@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian adaptasi budaya pelajar Malaysia yang telah mengikuti program pertukaran pelajar AIMS. Kajian ini juga hanya mengkhususkan terhadap pelajar Malaysia yang telah mengikuti program ini selama satu semester di mana-mana universiti yang ditawarkan kepada mereka di Jepun. Bagi melakukan kajian ini, metodologi kajian yang telah digunakan ialah kaedah kualitatif serta pengumpulan data yang menggunakan teknik temu bual mendalam dan kajian kepustakaan. Berdasarkan kajian pengkaji. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, pada model antarabudaya yang menggunakan lekuk W, pengkaji telah menghuraikan kepada dua bahagian bagi menunjukkan perbandingan iaitu semasa dan berada di negara luar dan sekembalinya mereka ke Malaysia. Selain itu, dapatan kajian juga merangkumi aspek cabaran yang dialami oleh pelajar yang mengikuti program ini. Antara cabaran terbesar mereka adalah budaya, makanan, bahasa dan kewangan. Seterusnya dapatan akhir juga menceritakan mengenai impak yang diperolehi oleh peserta. Antara impak yang diperolehi peserta adalah mereka lebih berdikari, bersifat terbuka dan sentiasa merendahkan diri.

Kata kunci: adaptasi, program pertukaran pelajar, kejutan budaya, cabaran antarabudaya, impak

ABSTRACT

This study is about the adaptation process experienced by Malaysian students who have participated in ASEAN International Mobility for Students (AIMS) student exchange program. This study is especially for students who participated in a one semester exchange program in any university in Japan. For this research, the methodology used were qualitative methods such as literature reviews and interviews. Based on this research that used the W-curve as the theoretical framework, the researcher has observed and compared two conditions which are during the exchange program in Japan and upon returning back to Malaysia. Other than that, the findings of this research also included challenges faced by the students. The biggest obstacles for the students of this program were mainly culture, food, language and finance. And finally, the findings also included the impact of participating in the exchange program on the students. The impacts were became more independent, having an open mind and always being humble.

1. Pengenalan

Program pertukaran pelajar adalah sebuah program yang merujuk kepada pelajar yang terpilih untuk belajar dan menerima pelajar dari luar negara untuk belajar di sesuatu institusi bagi satu tempoh masa yang telah ditentukan. Program pertukaran pelajar ini bukan sahaja melibatkan pelajar dari institusi pengajian tinggi malahan melibatkan pelajar dari sekolah menengah. Dapat dikatakan bahawa program pertukaran pelajar ini dijadikan sebagai salah satu cara pembelajaran pada zaman ini. Program seperti ini juga sebenarnya memberikan banyak kebaikan kepada para pelajar sendiri. Antaranya menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman belajar setiap pelajar.

Melalui program ini juga, para pelajar dapat membuka minda mereka dengan lebih terbuka dan mereka dapat mengenali budaya-budaya di negara lain. Program pertukaran pelajar ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar untuk mengeratkan hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang terlibat. Hal ini kerana, program ini menunjukkan bahawa kedua-dua negara mempercayai akan kualiti pendidikan di negara lain dan para pelajar yang terlibat akan dianggap sebagai duta kecil dan hal ini memberikan pelajar peranan agar menjaga nama baik institusi dan negara mereka sepanjang tempoh program dijalankan.

2. Tinjauan Kesusasteraan

Bahagian ini merupakan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang ini dikaji. Bahagian ini mampu memberikan gambaran terhadap pembaca atau pengkaji mengenai kajian yang dilakukan. Informasi yang diperoleh akan memberikan faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam bab ini, sorotan kajian lepas akan dijalankan ke atas beberapa tema iaitu kejutan budaya, cabaran antarabudaya, adaptasi antarabudaya, pengalaman antarabudaya, lekuk-w dan komunikasi antarabudaya dan seterusnya melihat perkaitan antara kajian-kajian lepas ini dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji.

2.1 *Kejutan Budaya*

Ireena Nasiha dan Abdul Latiff (2017) melihat bentuk kejutan budaya yang dialami oleh peserta-peserta kapal dan pengalaman yang mereka hadapi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat satu bentuk kejutan budaya yang terjadi semasa berada di atas kapal. Informan yang mengikuti program SSEAYP ini kebanyakannya mengalami kejutan budaya yang hampir sama iaitu budaya *toast* atau *cheers* serta makan minum secara berdiri yang merupakan satu budaya korporat yang diamalkan di Jepun semasa majlis rasmi berlangsung. Kejutan budaya positif yang dialami sebagai rakyat Malaysia dialami semasa Majlis Flag Hoisting kerana mereka sangat bangga melihat bendera Malaysia yang ada di tengah-tengah lautan. Selain itu, kejutan budaya juga berlaku apabila budaya mandi bogel beramai-ramai atau Onsen di Jepun juga menjadi salah satu kejutan budaya yang sangat asing bagi peserta yang mengikuti program kapal ini kerana budaya ini sangat berbeza dan bertentangan dengan budaya Malaysia yang menekankan aspek kesopanan dan kesusilaan.

2.1 *Cabaran Antarabudaya*

A.M.A Nasirudeen et al. (2014) telah membuat kajian mengenai cabaran yang dialami oleh pelajar antarabangsa di Singapura. Mereka melakukan kajian untuk mengenal pasti ciri-ciri pelajar antarabangsa, mengetahui tahap tekanan akulturasi atau *acculturative stress* yang dialami oleh mereka dan mengaitkan faktor tekanan akulturasi dengan beberapa pemboleh ubah seperti jantina, tahap penguasaan Bahasa Inggeris, negara asal mereka dan tempoh penginapan di Singapura. Tekanan akulturasi telah dipilih oleh kerana ia dapat diukur dengan menggunakan skala yang disahkan dan boleh dipercayai seperti Skala Tekanan Akulturatif untuk Pelajar Antarabangsa atau *Acculturative Stress Scale for International Students* (ASSIS) yang diperkenalkan oleh Sandhu dan Asrabadi (1994). Skala ini meliputi pelbagai faktor seperti kejutan budaya, ketakutan, perasaan rindu kepada negara asal dan sebagainya. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran yang dialami oleh pelajar antarabangsa, antaranya ialah:

2.1.1 Bahasa

Dalam kajian ini, seramai 356 responden telah ditemubual dan mereka terdiri daripada negara-negara seperti China, Burma, Indonesia, Nepal, Malaysia, India dan Vietnam. Daripada jumlah responden yang besar ini, kajian telah mendapati bahawa mereka menurut 13 bahasa yang berlainan dan cuma enam daripada mereka memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda mereka. Majoriti responden memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda mereka iaitu seramai 280 orang dan lagi 50 responden memilih bahasa Burma. Kajian ini mendapati bahawa tekanan akulturasi dalam kalangan responden yang lemah dalam penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih tinggi oleh kerana kursus yang dikendalikan di institusi pengajian adalah bahasa Inggeris.

2.1.2 Negara Asal

Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat kesan yang signifikan apabila negara asal dijadikan pembolehubah kepada punca tekanan akulturasi. Dalam 356 pelajar yang telah menyertai kajian ini, majoriti daripada mereka adalah daripada negara Malaysia, China dan Burma. Menurut data yang diperolehi, pelajar Malaysia kurang mengalami tekanan akulturasi jika dibandingkan dengan pelajar daripada Burma dan China. Faktor ini adalah kerana responden dari kedua-dua negara tersebut mengalami kejutan budaya, diskriminasi dan perasaan benci yang dikenakan kepada mereka oleh masyarakat tempatan. Ia didapati bahawa pelajar daripada negara Malaysia kurang mengalami tekanan akulturasi disebabkan oleh kedudukan geografi Malaysia yang berada bersebelahan dengan negara Singapura. Selain daripada itu, bahasa dan norma budaya di antara Malaysia dan Singapura adalah hampir sama. Penulis berpendapat bahawa pelajar Malaysia kurang mengalami tekanan akulturasi oleh kerana mereka lebih fasih menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar dari negara China dan Burma. Penulis juga telah menggunakan kajian yang dilakukan oleh Poyrazli, Kavanaugh, Baker dan Al-Tamimi (2004) yang mendapati bahawa pelajar Eropah kurang mengalami masalah berbanding dengan pelajar Asia di negara Amerika Syarikat dan faktor terbesar adalah faktor budaya yang hampir sama dan juga faktor bahasa. Penulis telah menggunakan dapatan Tsang (2001) yang melaporkan bahawa negara China dan negara Singapura mempunyai budaya yang hampir sama oleh itu pelajar China tiada masalah untuk menyesuaikan diri di negara Singapura. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, keadaan di Singapura telah berubah dan masyarakat Cina di Singapura kurang bertutur menggunakan bahasa Cina. Ini kerana mereka telah diperbesarkan dalam masyarakat yang majmuk, yang mempunyai pelbagai bangsa seperti Cina, Melayu dan India, dan bahasa yang digunakan sebagai pengantara adalah bahasa Inggeris. Pelajar dari negara Cina lebih cenderung untuk bertutur menggunakan bahasa Cina dan ini menyebabkan mereka hanya

berkawan dengan rakan-rakan Cina yang lain yang mempunyai persamaan bahasa dan budaya seperti mereka.

2.1.3 *Pengalaman Antarabudaya*

Syarizan Dalib, Minah Harun dan Norhafezah Yusof (2017) telah melakukan satu kajian mengenai pengalaman antarabudaya yang dialami oleh pelajar di institut pengajian tinggi yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum. Tema pertama dalam kajian ini adalah sifat pengenalan identiti yang membantu memberi pemahaman tentang bagaimana individu melihat diri mereka sebagai individu yang berbudaya dan bagaimana mereka mengamalkan kecekapan antarabudaya. Daripada dapatan kajian, identiti peserta adalah berdasarkan penanda sosial yang dimiliki oleh mereka seperti bahasa, agama dan tradisi yang lazimnya membezakan kumpulan dan kaum yang berlainan. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun kajian bertujuan untuk mengkaji identiti budaya individu namun respons yang diterima didapati bersesuaian dengan identiti budaya masyarakat secara menyeluruh.

2.1.4 *Adaptasi Antarabudaya*

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Latiff et al. (2014) merupakan kajian yang menyentuh mengenai isu-isu dan masalah adaptasi antarabudaya dalam kalangan pelajar Malaysia di Australia dan United Kingdom. Kajian ini, telah menfokuskan kepada beberapa perkara iaitu elemen kejutan budaya dan proses penyesuaian di dalam Model Lekuk U oleh Lsygaard (1955). Kajian ini turut memberi fokus kepada cabaran sebagai seorang Muslim dan juga isu-isu yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di luar negara. Namun begitu, pengkaji telah menggariskan satu matlamat mengapa kajian ini dilakukan iaitu melihat sejauh mana para pelajar ini mampu mengadaptasi diri mereka dan apakah cabaran yang dilalui sebagai seorang pelajar yang datang daripada budaya yang berbeza.

2.1.5 *Model Lekuk-W*

Model lekuk-W telah digunakan dalam kajian Adaptasi Budaya Peserta Malaysia Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) di Malaysia (2016) yang telah dikaji oleh Ireena Nasiha dan Abdul Latiff. Model lekuk-W yang telah digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada lima tema iaitu persediaan peserta sebelum berangkat, ketibaan bagi dua minggu pertama di Jepun, penyesuaian dan intergrasi peserta semasa di atas kapal, penerimaan dan berdikari semasa program anak angkat dan kemasukan semula ke Malaysia. Di dalam tema inilah fasa-fasa yang terdapat dalam lekuk-W iaitu fasa bulan madu, krisis dan kejutan budaya yang dihadapi peserta, fasa pemulihan dan penyesuaian antarabudaya akan dimasukkan.

2.1.6 *Komunikasi Antarabudaya*

Kajian Kecekapan Komunikasi Antarabudaya Mahasiswa Indonesia dan Malaysia merupakan hasil kajian Moulita (2015). Kajian ini dijalankan bagi mengenal faktor-faktor penghalang bagi mewujudkan komunikasi antarabudaya serta tahap kecekapan komunikasi yang dimiliki mahasiswa dari kedua-dua negara. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh beliau, pelajar Indonesia mahupun Malaysia mengalami kesukaran untuk menggunakan bahasa yang digunakan di tempat baru mereka. Masalah ini terjadi kerana kedua-dua mahasiswa beranggapan bahawa bahasa mereka tidak jauh berbeza disebabkan duduk di bawah satu rumpun. Mahasiswa Malaysia yang tidak tahu bertutur dalam bahasa Indonesia dan Mahasiswa Indonesia yang sukar berkomunikasi dalam bahasa Malaysia atau bahasa

Inggeris telah menjadi penghalang dalam proses komunikasi antarabudaya ini. Kebolehan untuk bertutur menggunakan bahasa tempatan sebenarnya salah satu cara bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan. Kajian ini juga mendapati bahawa untuk memperolehi kecekapan berkomunikasi antarabudaya mengambil masa yang lama buat mahasiswa Indonesia mahupun Malaysia. Antara faktor yang dikatakan menjadi penyebab masalah ini berlaku menurut pandangan pengkaji iaitu kecekapan komunikasi antarabudaya bagi mahasiswa Indonesia dan Malaysia terbentuk secara perlahan-lahan iaitu berlaku secara semula jadi. Pada proses ini, mahasiswa akan berhadapan dengan pelbagai halangan contohnya perbezaan bahasa, kesalahan interpretasi lisan dan stereotaip. Hal ini akan berlaku sama ada dalam kehidupan sehari-hari sama ada dalam tempat pengajian mahupun luar universiti mereka.

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian kualitatif ini, pengkaji telah memilih untuk melakukan kaedah temubual. Temubual dalam kajian kualitatif terbahagi kepada dua iaitu temubual mendalam dan temubual fokus. Namun, bagi menjalankan kajian ini, pengkaji hanya memilih temubual secara mendalam dalam penyelidikan kualitatif. Temubual mendalam ini dijalankan dengan pengkaji akan menemubual informan menurut garis panduan.

3.1 Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini merupakan individu yang menjadi informan kepada pengkaji. Dalam memilih sampel kajian, pengkaji mempunyai beberapa ciri informan yang telah pengkaji tetapkan. Hal ini bagi memastikan sampel kajian yang dipilih oleh pengkaji dapat memberikan maklumat yang pengkaji ingini dan bagi menjawab objektif kajian ini dilakukan. Terdapat beberapa kriteria yang telah ditentukan oleh pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini. Ciri-ciri informan dalam kajian ini adalah:

- i. Pelajar yang pernah mengikuti program AIMS
- ii. Pelajar yang mengikuti program AIMS di Jepun sahaja

3.2 Analisa Data

Bagi menganalisis data, pengkaji perlu mengubah data ke dalam bentuk teks iaitu mentranskripsi temubual yang telah dijalankan dan membuat rumusan. Transkripsi ini dijalankan agar data-data yang telah diperolehi semasa kajian lapangan boleh didokumentasikan dan dianalisis. Transkripsi boleh dilakukan semasa atau selepas temubual dan transkripsi yang dilakukan semasa temubual hanyalah berbentuk data yang kasar. Data boleh diperhalusi setelah mendengar rakaman tersebut berulang kali. Data-data yang dianalisis juga adalah berdasarkan kepada objektif kajian ini. Setiap jawapan yang diberikan oleh informan juga akan dinilai satu persatu bagi memastikan jawapan yang mereka berikan adalah bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji.

4. Dapatan Kajian

4.1 Model Antarabudaya

Proses adaptasi bukan sahaja berlaku apabila seseorang individu menetap dalam tempoh masa yang lama di luar negara, perkara ini juga boleh berlaku setelah individu kembali ke tempat asal mereka setelah tinggal di luar negara dalam tempoh masa yang lama. Bagi mengkaji proses ini, pengkaji telah menggunakan Model Lekuk W oleh Gullahorn dan Gullahorn (1963) bagi menunjukkan fasa-fasa yang dilalui oleh setiap responden yang mengikuti program AIMS ini. Proses ini adalah sama dengan kejutan budaya kerana mereka

harus menyesuaikan semula diri mereka dalam persekitaran asal. Dalam proses adaptasi peserta yang mengikuti program AIMS, pendekatan Model Lekuk-W ini telah digunakan. Model ini dipilih oleh pengkaji kerana keadaan yang dialami oleh peserta amat bersesuaian setelah mereka kembali semula ke Malaysia. Lekuk ini akan melibatkan dua proses iaitu proses adaptasi ke negara Jepun dan proses setelah kembali ke Malaysia.

4.2 Proses Adaptasi Budaya Semasa Berada di Negara Jepun

4.2.1 Fasa Bulan Madu

Fasa ini merupakan fasa di mana sebelum ketibaan mereka di tempat baru dan untuk beberapa hari yang pertama. Semasa fasa ini juga, pelajar sangat bersemangat dan mahu berjumpa dengan rakan-rakan yang baru. Pada waktu ini juga, akan munculnya kehendak pelajar untuk berasa bebas. Fasa ini juga memperlihatkan pelajar pertukaran pelajar berasa sangat teruja apabila pihak universiti di Jepun sangat mengalu-alukan kedatangan mereka dan tidak sabar untuk berjumpa dengan rakan bilik mereka yang baru. Berikut merupakan data yang diperolehi melalui temubual dengan informan.

4.2.2 Fasa Kejutan Budaya

Fasa kejutan budaya merupakan fasa yang kedua dalam model ini. Dalam fasa ini pelajar akan mula merasakan sukar untuk menyesuaikan diri mereka. Selain itu juga, fasa ini terjadi apabila pelajar melihat keadaan komuniti sekeliling mereka kerana komuniti bergantung terhadap kawasan yang mereka pergi. Pelajar juga akan berasa kurang berkeyakinan apabila menyedari bahawa budaya di negara Jepun adalah berbeza dengan budaya di Malaysia. Berikut merupakan data temu bual yang telah diperolehi.

4.2.3 Fasa Pelarasan

Selepas beberapa ketika berada di fasa kejutan budaya, pelajar akan memulakan fasa penyelarasan. Dalam fasa ini pelajar akan tahu apa yang diharapkan dalam situasi yang berbeza. Pelajar yang terlibat juga akan mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah budaya baru dan mempunyai perasaan yang lebih baik mengenai budaya. Berikut merupakan data yang telah diperolehi oleh pengkaji.

4.2.4 Fasa Pemulihan

Pada fasa ini, informan atau pelajar yang telah mengikuti program luar negara telah dapat mengadaptasi diri mereka dalam suasana yang berbeza dari negara asal mereka dan mampu mengikuti kehidupan di Jepun. Berikut merupakan data yang telah diperolehi.

4.3 Proses Adaptasi Setelah Kembali ke Malaysia

4.3.1 Fasa Bulan Madu

Setelah selesai menjalankan program AIMS, pelajar akan kembali semula ke negara asal mereka. Pada fasa ini, mereka akan berasa sungguh gembira kerana dapat kembali bersama keluarga mereka, dapat belajar dengan rakan-rakan sekelas dan kembali ke budaya asal mereka.

4.3.2 Fasa Krisis Kejutan Budaya

Fasa bulan madu setelah mereka kembali ke Malaysia tidak akan berkekalan terlalu lama. Kerana, setelah itu mereka akan mula mengalami fasa kejutan budaya seperti mereka alami semasa baru tiba di negara Jepun. Fasa ini terjadi apabila mereka cuba menyesuaikan diri mereka semula setelah kembali ke negara Malaysia dan pada waktu ini, mereka akan cuba membandingkan budaya yang ada di Jepun dan budaya rakyat di Malaysia.

4.3.3 Fasa Pemulihan

Pada fasa ini, individu akan mula belajar untuk kembali menyesuaikan diri dengan budaya asal mereka. Yang paling penting, individu akan menggabungkan perubahan yang telah berlaku dalam diri mereka ke kehidupan seharian. Dalam fasa ini juga, individu akan melihat dunia melalui lensa yang sedikit berbeza, dan akan belajar untuk menghargai aspek budaya anda yang anda tidak perasan sebelum mengikuti program pertukaran pelajar di luar negara. Berikut merupakan data temu bual yang telah dijalankan bersama informan:

4.3.4 Fasa Penerimaan

Fasa ini merupakan fasa seseorang individu sudah mampu untuk kembali ke budaya asal mereka. Individu juga akan lebih selesa untuk melakukan sesuatu perkara dan tidak merasakan asing di tempat mereka sendiri. Mereka mempunyai pandangan mereka yang tersendiri tetapi mereka akhirnya mampu mengadaptasi diri mereka semula ke budaya asal mereka.

4.4 Cabaran Utama Semasa Mengikuti AIMS

4.4.1 Bahasa

Kebanyakan responden mengalami kekangan bahasa apabila mereka baru sahaja tiba di negara Jepun. Masalah bahasa ini berlaku di dalam dan luar institusi mereka. Masalah bahasa ini juga terjadi dalam proses komunikasi dan tidak memahami tulisan dalam bahasa Jepun. Proses komunikasi menjadi satu kesukaran kerana penggunaan bahasa Inggeris di negara Jepun adalah lemah dan perkara ini menjadikan mereka amat sukar untuk berkomunikasi. Selain itu, bahasa juga menjadi salah satu cabaran utama bagi pelajar yang mengikuti program AIMS ini kerana mereka tidak memahami bahasa Jepun apabila mereka berada di sesuatu tempat atau lokasi.

Apabila mengikuti sesuatu program pertukaran pelajar, bahasa sudah tentunya menjadi cabaran yang paling utama bagi pelajar pertukaran tersebut. Bagi pelajar AIMS, untuk mengatasi masalah bahasa yang mereka alami ini, responden telah membuat persiapan sebelum berangkat ke negara Jepun dengan mempelajari bahasa Jepun sedikit melalui Google atau Youtube.

Manakala semasa mereka berada di sana mereka mempraktikkan penggunaan bahasa mereka di samping mengambil kelas bahasa Jepun untuk meningkatkan kebolehan berkomunikasi mereka bersama dengan pelajar dan masyarakat tempatan dan beberapa responden lain juga tidak menghadkan penggunaan bahasa Jepun di dalam kelas sahaja namun menggunakannya apabila berada di luar kampus terutamanya sewaktu bersiar-siar di kawasan bandaraya.

Apabila responden mengalami masalah atau kesukaran untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Jepun, mereka mencari beberapa cara untuk memastikan mereka berjaya untuk menyampaikan kemahuan, hasrat atau niat mereka dengan betul kepada masyarakat yang kurang menguasai bahasa Inggeris. Antara kaedah yang digunakan adalah dengan meminta bantuan daripada rakan-rakan yang fasih menggunakan bahasa Jepun, Google Translate dan juga menggunakan gambar dan video agar tidak berlaku kesalahfahaman semasa urusan dijalankan.

4.4.2 Makanan

Isu makanan seringkali menjadi cabaran bagi pelajar Malaysia yang mengikuti program pertukaran pelajar. Hal ini juga diakui oleh responden yang mengikuti program mobiliti

AIMS. Perkara ini menjadi satu isu terutamanya kepada pelajar Malaysia yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Hal ini kerana, negara Jepun mempunyai pengetahuan yang sangat rendah mengenai agama Islam dan menyebabkan responden mengalami kesukaran untuk mencari bahan masakan dan makanan yang halal.

Permasalahan yang dihadapi oleh para responden menyebabkan mereka mencari alternatif lain agar mereka dapat merasai makanan yang mereka ingin makan iaitu dengan memasak makanan Malaysia.

Dalam isu makanan ini, sebenarnya keadaan ini bergantung terhadap kawasan responden itu sendiri. Hal ini kerana, sudah tentu setiap kawasan mempunyai keadaan yang berbeza. Pada pendapat saya, bagi responden yang meluahkan mengenai perasaan makanan tersebut, hal ini adalah tidak wajar kerana sebagai seorang pelajar pertukaran, mereka haruslah cepat untuk membiasakan diri di tempat tersebut kerana mereka akan tinggal di negara Jepun dalam satu tempoh masa yang agak panjang. Hal ini juga bagi memastikan rakan-rakan yang berasal dari Jepun terguris sekiranya mereka mengetahui responden tidak dapat menyesuaikan diri dengan makanan yang ada di Jepun.

4.4.3 Teknologi

Responden mengatakan bahawa teknologi yang digunakan di negara Jepun jauh lebih canggih daripada apa yang diamalkan di negara Malaysia. Ia tidak dinafikan bahawa teknologi di negara matahari terbit itu lebih cekap, efisien dan memudahkan. Walau bagaimanapun, ia merupakan sedikit mencabar apabila mereka menggunakannya untuk pertama kali. Ini adalah kerana mesin yang berada di situ disediakan di dalam bahasa Jepun.

Responden menggunakan pelbagai langkah untuk memastikan mereka berjaya menggunakan teknologi dan mesin yang canggih di negara Jepun. Mereka belajar untuk menggunakannya dengan cara membuat kajian secara online melalui Google ataupun meminta rakan mereka yang berbangsa Jepun atau memahami bahasa Jepun untuk mengajar mereka.

4.4.4 Budaya

Responden mengalami masalah untuk menyesuaikan diri dengan budaya dan amalan harian yang dilakukan oleh masyarakat Jepun. Negara Jepun mempunyai etika dan budaya yang unik dan tersendiri dan ini menjadikan cabaran kepada responden untuk membiasakan diri menjadi seperti orang Jepun dalam urusan harian.

Terdapat juga responden yang memberikan pendapat mengenai budaya orang Jepun apabila berada di atas jalan raya. Disiplin pemandu kereta di sana amat tinggi sehingga menakutkan responden yang melihatnya.

Jepun juga mempunyai budaya yang tersendiri dalam soal menyediakan khidmat pelanggan yang terbaik. Responden menyatakan rasa kagum dengan pekerja Jepun yang cekap.

4.4.5 Kewangan

Negara Jepun menggunakan mata wang Yen yang jauh lebih tinggi berbanding dengan Ringgit Malaysia. Oleh itu, dalam persiapan untuk menetap di negara Jepun untuk tempoh beberapa bulan, responden telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan mereka mempunyai bekalan wang yang mencukupi untuk menampung mereka semasa berada di sana. Antara kaedah yang digunakan oleh mereka adalah menggunakan internet dan blog untuk membuat kajian terlebih dahulu sebelum berlepas dan ada juga responden yang membuat kerja sambilan.

4.4.6 Kerinduan (*Homesickness*)

Rasa rindu kepada rumah atau tanah air adalah satu benda yang biasa apabila individu berada jauh dari lokasi asal. Perasaan ini selalunya muncul pada awal-awal ketibaan ataupun pada saat ketika sambutan yang biasanya dipenuhi dengan saudara-mara. Manakala terdapat responden yang tidak rindukan suasana rumah sehinggakan rakan mengadu rasa rindu sehingga responden sendiri terasa rindu.

Apabila perasaan seperti ini muncul, responden menggunakan beberapa kaedah untuk mengurangkan perasaan rindu tersebut seperti menghubungi keluarga menggunakan aplikasi Facebook dan Whatsapp.

Tidak semua responden mengalami perasaan ini oleh kerana terdapat juga yang tidak rasa rindu walau sedikit pun terhadap rumah dan negara asal. Ini adalah kerana faktor mereka yang selesa dengan rakan dan kenalan di negara baru dan faktor sudah terbiasa dengan berada berjauhan dari keluarga.

Bagi perasaan kerinduan ini, bagi yang pertama kali mengikuti program seperti ini, kerinduan pasti akan wujud kerana mereka sedar mereka berada jauh daripada keluarga mereka terutamanya. Selain itu, perbezaan masa juga akan menyebabkan lagi perasaan mereka menjadi semakin rindu. Berlainan pula terhadap responden yang tidak merasakan perkara ini. Kemungkinannya, beliau menjumpai rakan-rakan yang begitu akrab sehingga beliau selesa untuk belajar di tempat tersebut.

4.5 Impak AIMS ke atas Responden

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengkaji sejauh manakah impak program mobiliti AIMS ini ke atas responden dan bagaimanakah program pertukaran ini membentuk identiti responden yang telah terlibat. Impak ini terpulang terhadap individu masing-masing berdasarkan apa yang mereka perolehi setelah mengikuti program pertukaran pelajar selama satu semester. Berikut merupakan impak serta data rakaman temubual informan.

4.5.1 Lebih Terbuka

Terdapat juga informan yang mengatakan bahawa mereka lebih bersifat terbuka setelah kembali ke Malaysia kerana mereka melihat perkara pada sudut yang berlainan dan boleh mendengar pendapat yang cuba disampaikan orang lain.

4.5.2 Menepati Masa

Disebabkan penduduk negara Jepun merupakan masyarakat yang menepati masa, para pelajar yang telah mengikuti program AIMS turut menjadi lebih menepati masa mereka.

4.5.3 Berkeyakinan

Setelah mengikuti program ini, para pelajar juga lebih berkeyakinan terhadap diri mereka dan mempunyai keyakinan diri yang cukup tinggi.

4.5.4 Beretika

Etika pelajar-pelajar ini juga meningkat setelah kembalinya mereka ke negara Malaysia dan perkara ini diamalkan dalam kehidupan seharian.

5. Perbincangan

Hasil pemerhatian terhadap jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden, kebanyakan mereka sememangnya melalui fasa-fasa yang terdapat pada Model Lekuk W, serta turut menghadapi cabaran semasa belajar di negara Jepun. Namun, mereka masih menunjukkan

sikap yang positif semasa sesi temubual dijalankan kerana mereka masih berasa teruja setiap kali mereka membincangkan mengenai pengalaman yang telah mereka lalui semasa berada di Jepun.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa peserta program ini telah menjalani dua proses iaitu proses adaptasi semasa berada di luar negara dan setelah mereka kembali ke Malaysia. Semasa berada di luar negara, responden akan mengalami fasa yang pertama iaitu fasa bulan madu yang mana pada waktu ini, mereka akan berasa gembira kerana kedatangan mereka dialu-alukan oleh pihak luar. Setelah itu, mereka akan mengalami fasa kejutan budaya kerana budaya yang ada di negara Jepun sangat berbeza dengan budaya yang ada di Malaysia. Fasa ini memerlukan responden mengambil masa agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di sana. Fasa yang ketiga adalah fasa palarasan. Dalam fasa ini mereka akan mencuba untuk mencari penyelesaian bagi masalah yang mereka hadapi. Contohnya dalam aspek kejutan budaya dan pada masa inilah mereka akan mula mempunyai perasaan yang lebih baik dengan budaya sekeliling mereka. Fasa yang terakhir semasa responden berada di luar negara ada fasa pemulihan. Fasa ini merupakan fasa responden benar-benar dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran mereka dan mampu mengikuti kehidupan di negara Jepun walaupun mereka terpaksa mengambil waktu selama sebulan.

6. Cadangan

Program pertukaran pelajar merupakan program yang memberi peluang kepada pelajar dari Malaysia untuk merasai sendiri suasana pembelajaran yang berlainan di samping mengenal budaya-budaya baru di sesuatu tempat. Kajian pertukaran pelajar yang menggunakan model Lekuk W terutamanya haruslah diperbanyakkan lagi kerana untuk mengadaptasi semula diri ke dalam keadaan asal bukanlah sesuatu perkara yang mudah sekiranya individu tersebut telah terbiasa dengan suasana di tempat lain. Kajian seperti ini juga harus diperbanyakkan kerana secara tidak langsung kita akan menemui cara bagaimana untuk mengatasi perkara tersebut dan memastikan pelajar seterusnya yang akan mengikuti program ini lebih bersedia menghadapi segala cabaran semasa mereka berada di luar negara.